

Oleh Ahmad Isyafiq Mad Desa
am@hmetro.com.my
Shah Alam

MBSA, MPK jalin kerjasama

■ Sedia dana RM20 juta bina kolam tadahan atasi banjir

Pihak berkuasa tempatan (PBT) sentiasa berusaha menangani masalah banjir yang dihadapi penduduk di kawasan pentadbiran masing-masing terutama ketika musim hujan serta banjir kilat yang sering melanda di kawasan tertentu.

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) contohnya menjalinkan kerjasama bagi mengatasi masalah itu membabitkan sejumlah dana sebanyak RM20 juta untuk membina kolam tadahan di Sungai Rasah.

Pemangku Yang Dipertua MPK Ehsan Mukri berkata, kerjasama itu dilihat sebagai satu usaha yang baik dan bukti bahawa PBT bertanggungjawab serta menyedari masalah banjir kilat harus diatasi bersama.

“Kita sentiasa menjalinkan usaha yang baik bersama PBT untuk mengatasi masalah banjir kilat yang sering di hadapi di kedua-dua kawasan pentadbiran sama ada di Shah Alam mahupun Klang.

“Projek berkenaan bermula kira-kira dua bulan yang lalu dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh sebulan. Kolam tadahan itu nanti diharapkan mampu menjadi tebatan banjir untuk memastikan kekerapan banjir di Klang dan kawasan sekitar berkurangan”

“ Kolam tadahan itu nanti diharapkan mampu menjadi tebatan banjir untuk memastikan kekerapan banjir di Klang dan kawasan sekitar berkurangan”

Ehsan Mukri

SEORANG warga emas mengharung banjir yang melanda Klang pada Mac tahun lalu.



tannya berkurangan,” katanya.

Ehsan berkata, masalah banjir di Klang terlalu rumit kerana faktor utama fenomena ‘high tide’ iaitu pertembungan antara air laut pasang dan saluran air sungai yang meningkat menyebabkan air mudah naik di beberapa kawasan.

Katanya, banjir kilat di kawasan itu semakin buruk selepas terdapat beberapa kawasan yang mempunyai

keadaan demografi yang rendah, pembinaan jambatan haram oleh penduduk tempatan serta pembuangan sisa sampah.

“Buat pengetahuan semua pembersihan sungai adalah tugas Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Namun demi keselamatan penduduk dan mengelak masalah banjir kilat kita tetap menguruskan pengairan dan pembersihan sungai,” katanya.

Selain itu, MPK turut dalam

usaha memperbaiki sistem pembetulan bawah tanah, membesarkan kolam tadahan sedia ada serta melebarkan longkang dan parit.

Manakala MBSA pula mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Bilik Gerakan Bencana yang beroperasi selama 24 jam bagi memudahkan orang awam membuat aduan berkaitan masalah banjir di kawasan pentadbirannya.

